

TOYOTA CLASSICS

RAI ULANG TAHUN KE-25



TOYOTA Classics meraikan ulang tahun ke-25 November ini dengan memaparkan orkestra klasik berprestij dengan persembahan beberapa pemain muzik solo terbaik dari seluruh dunia.

Jualan tiket untuk acara gala bermula pada 8 September 2014.

Konsert tahunan ini adalah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat serantau oleh Toyota. Pada tahun ini, Toyota meraikan Ulang Tahun Amal ke-25 Jelajah Asia di tujuh bandar di seluruh rantau ini termasuk Singapura, Kemboja, Filipina, Brunei, Thailand, Vietnam dan Malaysia.

Dianjurkan oleh UMW Toyota Motor, edisi tahun ini akan menampilkan Orkestra Solo Covent Garden dari London; pemain alat musik solo Vasko Vassilev Pamela Nicholson, konduktor terkenal dunia, Miguel Angel Navarro.

Satu malam gala prestasi Toyota Classics 2014 akan diadakan pada 11 November 2014 di Dewan Filharmonik Petronas dan akan dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Malam gala bertujuan meningkatkan dana untuk Yayasan Paru-paru Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, dan Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia.

Tiket berharga RM220, RM170, RM120 dan RM60, dan boleh dibeli dari Pejabat Box, Dewan Filharmonik Petronas.



Ismet (dua, kanan) bersama pasukan penganjur dan penerima dana orkestra Toyota Classics.